



# PERMOHONAN TAJAAN BIASISWA/PINJAMAN PENGAJIAN TINGGI YAYASAN SABAH 2020

Yayasan Sabah mempelawa pemohon yang berminat untuk memohon tajaan Dermasiswa/Biasiswa/Pinjaman Pengajian Tinggi untuk mengikuti pengajian di peringkat Sijil, Diploma atau Ijazah Sarjana Muda bagi sesi pengajian 2020. Bagi tajaan Biasiswa Cemerlang Negeri Sabah (BCNS) dan Biasiswa Cemerlang Pelajar Luar Bandar (BCPLB), pemohon mestilah menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sekolah-sekolah menengah di negeri Sabah sahaja, kecuali pelajar-pelajar di bawah tajaan Yayasan Sabah di Semenanjung Malaysia dan Sarawak.

## Kriteria pemohonan adalah seperti berikut:

(1) Pemohon, ibu dan bapa adalah warganegara Malaysia yang berasal dari negeri Sabah; atau (2) Pemohon, ibu dan bapa adalah warganegara Malaysia tetapi salah seorang ibu atau bapa berasal dari negeri Sabah; atau (3) Pemohon dan ibu atau bapa adalah warganegara Malaysia yang berasal dari negeri Sabah tetapi salah seorang ibu atau bapa mempunyai **status Penduduk Tetap** di negeri Sabah.

## 1. JENIS TAJAAN:

### 1.1 BIASISWA

#### 1.1.1 Biasiswa Cemerlang Negeri Sabah (BCNS)

Kursus : Foundation/'A' Level/Sijil/Diploma  
Tempat Pengajian : Dalam Negara, keutamaan kepada pelajar yang mengikuti Program Berkembar /TTP

#### 1.1.2 Biasiswa Cemerlang Pelajar Luar Bandar (BCPLB)

Kursus : Pra/Asasi/Diploma  
Tempat Pengajian : UiTM/UMS/UMP/UM/UniSZA/UniSHAMS/Kolej Pro. Baitulmal, KL/KTYS/UCSF/KUIPSAS

#### 1.1.3 Biasiswa Bahasa Arab/Pengajian Islam

Peringkat Pengajian : Diploma/Ijazah  
Tempat Pengajian : Institusi Pengajian Tinggi Tempatan/Twinning Programme /ASEAN/Timur Tengah

#### 1.1.4 Biasiswa Ulum Islamiah

Peringkat Pengajian : Ijazah  
Tempat Pengajian : Al-Azhar University, Mesir

#### 1.1.5 Biasiswa Kejuruteraan (Kejuruteraan Mekatronik, Kejuruteraan Automotif dan Kejuruteraan Perniagaan)

Peringkat Pengajian : Ijazah  
Tempat Pengajian : Universiti Malaysia Pahang (Program Kerjasama Jerman)

Kursus : Asasi (Kejuruteraan)  
Tempat Pengajian : Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS) (Program Kerjasama dengan Universiti Malaysia Pahang)

#### 1.1.6 Biasiswa Pengajian Islam (KTYS/KUIM)

Peringkat Pengajian : Diploma  
Tempat Pengajian : Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS)

#### 1.1.7 Biasiswa IPTA/IPTS

Peringkat Pengajian : Diploma  
Tempat Pengajian : IPT Tempatan  
Jenis Kursus : Pertanian, Veterinar, Perakaunan, Seni Bina, Jurukur Bahan, Keusahawanan, Pergigian

#### 1.1.8 Biasiswa Pelancongan/Perhotelan

Peringkat Pengajian : Diploma/Ijazah  
Tempat Pengajian : University College Sabah Foundation (UCSF)

### 1.2 DERMASISWA

#### 1.2.1 Dermasiswa KTYS

Peringkat Pengajian : Sijil  
Tempat Pengajian : Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS)

#### 1.2.2 Dermasiswa Bahasa Arab (UCSF/Timur Tengah)

Kursus : Bahasa Arab  
Tempat Pengajian : UCSF-Yarmouk University, Jordan

#### 1.2.3 Dermasiswa Kolej Profesional Baitulmal, Kuala Lumpur (DKPBKL)

Peringkat Pengajian : FIA/LCCI  
Tempat Pengajian : Kolej Profesional Baitulmal, Kuala Lumpur

### 1.3 PINJAMAN PENGAJIAN

Pinjaman Pengajian ditawarkan kepada pemohon yang mengikuti kursus yang tidak tersenarai di dalam kursus Dermasiswa/Biasiswa.

## 2. KELAYAKAN AKADEMIK

### 2.1 Biasiswa Cemerlang Negeri Sabah (BCNS)

Pemohon mestilah sekurang-kurangnya memperoleh **5A+** termasuk Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM 2019.

### 2.2 Biasiswa Cemerlang Pelajar Luar Bandar (BCPLB)

Pemohon mestilah sekurang-kurangnya memperoleh **5A** termasuk Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM 2019. Khusus kepada pelajar B40 luar bandar.

### 2.3 Biasiswa Bahasa Arab/Pengajian Islam dan Biasiswa Ulum Islamiah

Pemohon mestilah memperoleh **Sijil Penuh** dalam peperiksaan **Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)** sekurang-kurangnya **Jahid Jiddan/Sangat Baik** dan/atau memperoleh sekurang-kurangnya **5 kredit** termasuk Bahasa Melayu dan Bahasa Arab dalam peperiksaan SPM.

### 2.4 Biasiswa Kejuruteraan

Pemohon mestilah memperoleh sekurang-kurangnya **CGPA 3.00** dalam peperiksaan **Matrikulasi/'A' Level**.

### 2.5 Biasiswa Pengajian Islam (KTYS/KUIM)/IPTA/IPTS/Pelancongan/Perhotelan/ Kursus Asas Kejuruteraan dan Pinjaman Pengajian

Pemohon mestilah memperoleh sekurang-kurangnya **5 kredit** termasuk Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM.

### 2.6 Dermasiswa Kolej Profesional Baitulmal, Kuala Lumpur (DKPBKL)

Pemohon mestilah memperoleh sekurang-kurangnya **5 kredit** termasuk Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik dalam peperiksaan SPM.

### 2.7 Dermasiswa Kolej Teknikal Yayasan Sabah (DKTYS)

Pemohon mestilah memperoleh sekurang-kurangnya **3 kredit** termasuk Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM.

## 3. CARA-CARA MEMOHON:

3.1 Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian dengan melayari laman web <http://www.yayasansabahgroup.org.my> (PORTAL PERMOHONAN TAJAAN YAYASAN SABAH 2020). Pemohon mestilah mempunyai e-mel peribadi untuk permohonan dalam talian.

## 3.2 Nombor PIN untuk permohonan tajaan dalam talian boleh didapati di pejabat-pejabat Kumpulan Yayasan Sabah seperti berikut:

1) Bahagian Pembangunan Pendidikan, Kumpulan Yayasan Sabah, Aras 4, 5 dan 7, Menara Tun Mustapha, Teluk Likas, Peti Surat 11201, **88813 KOTA KINABALU.** (Tel. No.: 088-326300)

2) Pejabat Yayasan Sabah Zon Pantai Barat Utara, Blok E, Tingkat 1, Lot 27 & 28, Langkon Commercial Centre, Peti Surat 10, **89107 KOTA MARUDU.** (Tel. No.: 088-662137)

3) Pejabat Yayasan Sabah Zon Pedalaman Utara, Tingkat 1, Pusat Kraftangan Sabah, KM 5, Jalan Apin-Apin, Keningau, Peti Surat 104, **89007 KENINGAU.** (Tel. No.: 087-312106)

4) Pejabat Yayasan Sabah Zon Pedalaman Selatan, Blok C, Lot 19, Bangunan Beaufort Jaya, Peti Surat 160, **89807 BEAUFORT.** (Tel. No.: 087-221653)

5) Pejabat Yayasan Sabah Zon Pantai Timur Utara, Lot 10, Blok J, Bandar Ramai-Ramai, Beg Berkunci No.1, **90009 SANDAKAN.** (Tel. No.: 089-210580)

6) Pejabat Yayasan Sabah Zon Pantai Timur Selatan, Tingkat 3, Bangunan Bumi Pintar, Peti Surat 820, **91008 TAWAU.** (Tel. No.: 089-759805)

7) Pejabat Cawangan Yayasan Sabah Kuala Lumpur, Wisma Yayasan Sabah, 5-5E, Lorong Enau, Off Jalan Ampang, **55000 KUALA LUMPUR.** (Tel. No.: 03-42566237)

8) Pejabat Yayasan Sabah, Aras 6, M6-3, Pusat Transformasi Bandar (UTC), Off Jalan Tunku Abdul Rahman, **88000 KOTA KINABALU.** (Tel. No.: 088-251249)

## 4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN:

4.1 Tarikh tutup permohonan ialah 30 April 2020.

4.2 Cetakan borang permohonan secara dalam talian yang telah lengkap WAJIB diisi, dicetak dan dikemukakan dengan salinan dokumen yang telah disahkan benar ke alamat dibawah seperti berikut:

- Surat Beranak/Surat Sumpah dan Kad Pengenalan pemohon.
- Surat Beranak/Surat Sumpah dan Kad Pengenalan Ibu dan Bapa/Penaja.
- Sijil-sijil persekolahan.
- Satu keping gambar berukuran pasport.
- Slip gaji terakhir pemohon (jika bekerja), atau; slip gaji terakhir ibu dan bapa (bagi pemohon yang tidak bekerja).
- Surat pelepasan atau surat kelulusan cuti belajar (untuk pegawai kerajaan).
- Surat tawaran kemasukan ke universiti/kolej (jika ada).
- Keputusan peperiksaan yang terakhir (jika sedang belajar).

Bahagian Pembangunan Pendidikan, Kumpulan Yayasan Sabah, Aras 4, 5 dan 7, Menara Tun Mustapha, Teluk Likas, Peti Surat 11201, **88813 KOTA KINABALU.**

## 5. PERHATIAN:

5.1 Salinan Kad Pengenalan pemohon hendaklah dibawa bersama semasa mendapatkan Nombor PIN permohonan Tajaan Pengajian Tinggi Yayasan Sabah di semua pejabat Yayasan Sabah yang terdekat.

5.2 Nombor PIN permohonan adalah **PERCUMA.**

5.3 Setiap pemohon mestilah mempunyai e-mel peribadi.

5.4 Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

5.5 Sila hantar surat tawaran kemasukan IPT ke pejabat ini dengan kadar segera jika sudah menerima tawaran tersebut.

5.6 Permohonan lewat tidak akan dipertimbangkan.

5.7 Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak mendapat jawapan selepas 30 September 2020.